

Khairul terima anugerah

UTUSAN
MALAYSIA
29/5/2017


P-23

BEKAS wartawan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Ketua Perhubungan Media, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Khairul Anuar Muhamad Noh** menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Majlis Gemilang Putra (MGP) dan Sambutan Hari Pekerja peringkat UPM, baru-baru ini.

Khairul yang juga Ketua Perhubungan Media, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM itu menerima anugerah itu daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Khairul yang mula bekerja di UPM pada 2008 menerima anugerah itu buat kali kedua selepas mendapat anugerah yang sama pada 2010.

Khairul juga berjaya mengharumkan nama UPM dengan memenangi enam kejohanan lumba basikal peringkat antara varsiti dan terbuka peringkat kebangsaan termasuk menjawat jawatan sebagai jurulatih basikal UPM dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) serta Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt) dan Sukan Staf Antara IPTA (Sukum).



**KHAIRUL ANUAR
MUHAMAD NOH**